

**PRASARANA MALAYSIA BERHAD**

(Company No. 467220-U)

(Sebuah Syarikat Milik Penuh Menteri Kewangan Diperbadankan)

Prasarana Malaysia Berhad (“Prasarana”) adalah sebuah syarikat milik penuh kerajaan bagi melancarkan, melaksanakan dan mempercepatkan projek infrastruktur awam yang telah diluluskan oleh kerajaan. Prasarana dan syarikat kumpulannya merupakan pemilik aset dan pengendali perkhidmatan LRT Laluan Ampang dan Laluan Kelana Jaya, KL Monorail dan Rangkaian Bas di Lembah Klang, Pulau Pinang, Kuantan dan Kamunting dan terkini telah dilantik sebagai pengendali Mass Rapid Transit (“MRT”) Jajaran Sungai Buloh-Kajang (“SBK”).

| TAJUK TENDER DAN TENDER NO. | PENDAFTARAN DAN KELAYAKAN | TEMPAT & TARIKH PENJUALAN DOKUMEN TENDER | HARGA & BUTIRAN PEMBAYARAN BAGI DOKUMEN TENDER | TEMPAT SERAHAN & TARIKH TUTUP TENDER |
|---|--|---|---|--|
| (UNTUK BUMIPUTERA SAHAJA) | | | | |
| Melantik Pengusaha bagi Menjalankan Perkhidmatan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) termasuk Pusat Jagaan untuk Prasarana Malaysia Berhad PRASARANA/GPD/ COR(S)/071/784/2016 | <u>MANDATORI</u> <u>Kelayakan Pembida:</u> <ul style="list-style-type: none"> Warganegara Malaysia bertaraf Bumiputera yang berumur 18 tahun ke atas dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun di dalam pengurusan taska. Telah mengikuti Kursus Asuhan Kanak-Kanak yang diiktiraf oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) atau Pendidikan Awal Kanak-Kanak PERMATA. Berdaftar dengan SSM serta perniagaan didaftarkan di daerah Selangor. | Jabatan Perolehan Kumpulan, Prasarana Malaysia Berhad Aras 3, Bangunan Pentadbiran, Subang Depot No. 1, Jalan PJU 1A/46 Off Jalan Lapangan Terbang Subang 47301 Petaling Jaya. 9 Januari 2017 (Isnin) hingga 20 Januari 2017 (Jumaat) dari 9.00 pagi hingga 5.00 petang Pada waktu pejabat (kecuali Cuti Umum, Sabtu & Ahad) | RM212.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Dua Belas Sahaja (termasuk 6% GST) (tidak dipulangkan) <u>dalam bentuk</u> 'Bank Draft' atau 'Banker's Cheque' <u>pembayaran kepada</u> Prasarana Malaysia Berhad | Jabatan Perolehan Kumpulan, Prasarana Malaysia Berhad Aras 3, Bangunan Pentadbiran, Subang Depot No. 1, Jalan PJU 1A/46 Off Jalan Lapangan Terbang Subang 47301 Petaling Jaya. pada 6 Februari 2017 (Isnin) sebelum 12.00 tengahari |

1. Petender – petender adalah dipelawa untuk menyertai tender di atas dan mestilah memenuhi kriteria **MANDATORI** berikut:

- Memenuhi kriteria serta kelayakan seperti jadual di atas; dan
- WAJIB** menghadiri **Sesi Taklimat dan Lawatan Tapak** seperti berikut:-

| | | |
|---------------|----------|--|
| Tarikh | : | 6 Januari 2017 (Jumaat) |
| Masa | : | 10.00 pagi – 12.00 tengahari |
| Tempat | : | Taska dan Pusat Jagaan Kanak-Kanak PRASARANA, No. 17B, 19B, 21B & 23B, Jalan Emas 2, Taman Megamas Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. |
| Nota | : | Petender yang berminat dinasihatkan menghantar wakil yang mempunyai pengetahuan mengenai tender dan kontrak bagi kerja yang dimaksudkan serta diberi hak kuasa mewakili pihak syarikat. |

- Dokumen Tender akan dipamerkan dan mula dijual mulai tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan dalam jadual di atas. Prasarana TIDAK akan melayan sebarang permintaan pembelian Tender Dokumen sebelum dan/atau selepas dari tarikh yang tertera.
- Dokumen Tender hanya akan dijual kepada wakil petender yang sah (*bona fide*) sahaja. Untuk tujuan tersebut, wakil-wakil petender **DIWAJIBKAN** membawa **surat pengesahan** sebagai wakil dari petender bersama **salinan Sijil Kursus Asuhan Kanak-Kanak yang diiktiraf oleh JKM atau Pendidikan Awal Kanak-Kanak PERMATA** dan **salinan Borang 9 dan Borang 24 dan Borang 44 Yang Telah Disahkan (“Certified True Copy”)** oleh Setiausaha Syarikat atau Pegawai Kerajaan Kumpulan A bagi mengesahkan kelayakan petender.
- Mana-mana syarikat yang mempunyai kaitan dengan Petender sepertimana termaktub dalam definisi di Akta Syarikat 1965 tidak boleh mengemukakan tawaran Tender untuk membekal Perkhidmatan yang sama seperti yang ditawarkan oleh Petender bagi tujuan Tender yang dinyatakan di atas. Sebarang pelanggaran syarat ini boleh mengakibatkan tawaran Tender ditolak dan dibatalkan.
- Petender adalah diperingatkan bahawa salinan sijil yang diakui sah oleh Pesuruhjaya Sumpah TIDAK akan diterima selaras dengan arahan Mahkamah Persekutuan Malaysia [Ruj. (44) dlm JK/MP/ 53/WP (140/97), 23 Jun 2005].
- Sebarang pertanyaan mengenai Tender di atas boleh diajukan kepada Jabatan Perolehan Kumpulan di talian 603-7650 7788 sambungan 1537/1555 atau email kepada procurement@prasarana.com.my. Maklumat lanjut mengenai iklan ini atau profil Kumpulan Prasarana boleh dilayari di laman web kami www.myrapid.com.my